

Pertahan Najib, Pemuda PKR bidas sikap Khairy, Rahman
The Malaysian Insider
July 6, 2015

Pemuda PKR mempertikaikan sikap pemimpin muda Umno, terutamanya Ketua Pemuda Khairy Jamaluddin dan Ahli Majlis Tertinggi Datuk Abdul Rahman Dahlan, yang mempertahankan perdana menteri Datuk Seri Najib Razak daripada laporan Wall Street Journal (WSJ).

Ketuanya Nik Nazmi Nik Ahmad berkata, reaksi mereka terhadap dakwaan RM2.67 bilion dipindahkan ke akaun peribadi Najib itu menunjukkan mereka lebih mementingkan kedudukan politik berbanding masalah rakyat.

Katanya, sikap mereka yang sama sekali menolak pendedahan itu berbeza dengan Timbalan Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin yang lebih tenang dan logik menggesa agar isu itu disiasat secara serius.

"Nampaknya tindakan Khairy dan Rahman menggambarkan mereka lebih khuatir tentang kedudukan politik mereka, dan bukannya maslahat rakyat.

"Reputasi mereka kononnya 'terbuka', namun jelas mereka bukanlah jenis pimpinan bagi disandarkan harapan anak-anak muda yang mahukan perubahan," katanya dalam kenyataan hari ini.

Nik Nazmi berkata, corak pengkhianatan terhadap amanah rakyat dan penyalahgunaan kuasa pentadbiran Umno-Barisan Nasional (BN) itu mesti dihentikan sama sekali.

Katanya, Pemuda PKR tiada pilihan lain kecuali menggesa agar isu akaun perdana menteri ini disiasat dengan serta-merta, dan sebarang salah laku perlu dihukum.

Rakyat Malaysia bukan sahaja memerlukan kerajaan baru yang dipilih secara demokrasi, tetapi juga reformasi institusi kerajaan, katanya yang juga exco Selangor.

"Amanah dan wang rakyat tidak boleh disalahguna seperti selama ini. Pemuda PKR bersedia bekerjasama dengan semua anak muda progresif ke arah isu ini," katanya.

Abdul Rahman melalui akaun Twitter @mpkotabelud menyelar laporan WSJ yang hanya menggunakan "penyiasat yang tidak bernama" sebagai sumber maklumat.

Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan itu juga membuat taruhan wang dengan mengesyaki sumber yang diperoleh WSJ itu daripada blog pemberi maklumat, Sarawak Report.

Manakala Khairy yang juga Menteri Belia dan Sukan dilaporkan berkata, dakwaan WSJ tidak boleh diterima kerana tidak disertakan dengan dokumen dan bukti yang kukuh.

Berbeza dengan Muhyiddin, pemimpin nombor dua negara itu pula menggesa Najib memberi penjelasan kerana ia boleh menjejaskan imej kerajaan dan melibatkan kepentingan rakyat di mata antarabangsa.

"Sekiranya beliau (Najib) yakin semua tuduhan itu adalah tidak benar dan fitnah semata-mata, maka adalah wajar beliau mengambil tindakan undang-undang ke atas pihak yang membuat tuduhan demi membersihkan nama beliau dan mengembalikan kredibiliti kerajaan," katanya melalui kenyataan di laman Facebook.

Najib dalam responsnya menafikan dakwaan tersebut dan menyalahkan bekas Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad, yang beberapa bulan kebelakangan ini memberi tekanan kepadanya supaya meletakkan jawatan. – 6 Julai, 2015.

Copyright © 2015 Edge Insider Sdn Bhd

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/pertahan-najib-pemuda-pkr-bidas-sikap-khairy-rahman>